

19/11/1998

Asean tidak bincang kegawatan

KRISIS ekonomi tidak akan lagi menjadi agenda utama apabila Sidang Kemuncak Asean bersidang di Hanoi, pada pertengahan bulan depan.

Setiausaha Luar Filipina, Domingo L Siazon Jr, berkata isu sudah terlalu banyak diperkatakan sejak 12 bulan lalu dan turut dibincang di Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) berakhir hari ini.

"Ia seperti mengunyah gula-gula getah, apabila lama ia sudah tidak sedap lagi. Saya menjangka krisis ekonomi dan cara menanganinya tidak lagi menjadi tumpuan utama pemimpin Asean bulan depan.

"Kalau adapun kita mungkin hanya menyentuhnya sedikit," katanya pada sidang akhbar yang turut dihadiri Presiden Filipina, Joseph Estrada, di akhir mesyuarat pemimpin Apec petang semalam.

Isu krisis ekonomi ditimbulkan oleh Thailand dalam Sidang Kemuncak tidak formal Asean di Kuala Lumpur Julai tahun lalu. Walaupun satu kenyataan khas dikeluarkan bagi masalah itu, kebanyakan negara Asean belum lagi berasa bahangnya.

Setiausaha Perdagangan Filipina, Jose Pardo, pula menjelaskan mesyuarat menteri-menteri ekonomi Asean yang bersidang di Manila baru-baru ini, sudah menggariskan langkah yang patut dilaksanakan bersama.

Antaranya ialah Kawasan Pelaburan Asean (AIA) yang memberikan sama taraf kepada semua pelabur di rantau ini. Di samping itu, persamaan taraf itu akan turut diberi kepada rakan dialog Asean iaitu Amerika Syarikat, New Zealand, China dan Jepun.

Menjawab soalan, Siazon berkata cadangan Asean untuk mewujudkan mata wang sendiri tidak mungkin dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat ini berikutan ketidaktentuan nilai mata hampir semua negara anggota Asean.

"Kita hanya akan melaksanakan mata wang negara masing-masing dan ia memerlukan persetujuan dua hala," katanya.

Mengenai kawalan kewangan yang dilaksanakan Malaysia, Siazon berkata walaupun ia adalah baik untuk negara ini, berdasarkan pengalaman lalu ia tidak mungkin dilaksanakan di Filipina.

"Di Filipina, berdasarkan pengalaman, ia hanya akan mencetus lebih banyak masalah terutama rasuah," katanya.

Sementara itu, Siazon turut menafikan beliau akan meletak jawatan, kerana didakwa mempunyai perbezaan pendapat dengan Estrada.

Perbezaan pendapat begitu jelas ketika sidang akhbar hari ini, apabila Estrada terus menegaskan beliau adalah sahabat Anwar dan tidak menghiraukan permintaan Malaysia supaya tidak campur tangan dalam hal ehwal politik negara ini.

Estrada malam tadi mengadakan pertemuan dengan Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail, dan Siazon melahirkan rasa terkejut kerana tidak mengetahui mengenai pertemuan itu.

"Saya sudah mengatakan pendirian kerajaan Filipina dan berpegang kepada pendirian Asean yang tidak campur tangan dalam hal ehwal negara anggota lain.

"Saya juga sudah menyatakan pendapat bahawa ternyata perbincangan Anwar memang dilaksanakan dengan begitu telus dan yang penting dia sudah dibebaskan dari tahanan ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri).

"Saya tidak mempunyai pendirian berasingan dengan Presiden Estrada. Beliau hanya berkata Anwar adalah sahabatnya, itu saja," katanya.

Siazon turut melahirkan pendapat bahawa Dr Mahathir perlu meneruskan tugasnya sebagai Perdana Menteri terutama ketika negara ini dan Asean

sedang menghadapi krisis ekonomi yang serius.

"Beliau sudah banyak berjasa dan meletakkan Malaysia seperti dicapai sekarang. Beliau juga begitu banyak memberi sumbangan kepada dunia antarabangsa," katanya.

(END)